



**TEKS UCAPAN**

**YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN**

**KETUA PENGARAH**

**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**DIBACAKAN OLEH**

**YANG BERUSAHA TS. DR. ISHAK BIN MANSOR**

**TIMBALAN KETUA PENGARAH**

**PROGRAM PERKHIDMATAN TEKNIKAL**

**AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**PERHIMPUNAN BULANAN BIL.5/2024**

**25 JULAI 2024 (KHAMIS)**

**DEWAN TUN DR. ISMAIL (DTI)  
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

**YANG BERUSAHA DR. NOR PA'IZA BIN MOHAMAD HASAN**

Pengarah Bahagian Teknologi Industri menanggung tugas

Pengarah Kanan Program Pengkomersialan dan Perancangan

Teknologi

**YANG BERUSAHA DR. SHUKRI BIN MOHD**

Pengarah Bahagian Sokongan Teknikal menanggung tugas

Pengarah Kanan Program Pengurusan

**YANG BERUSAHA IR. TS. HJ. ROSLI BIN AWANG**

Pengarah Bahagian Kejuruteraan selaku tuan rumah bagi penganjuran

Majlis Perhimpunan Bulanan Bil.5/2024 hari ini

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian

Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, Bahagian Kejuruteraan atas jemputan ini. Sebelum saya meneruskan ucapan, izinkan saya menyampaikan salam YBrs. Dr. Rosli Darmawan, Ketua Pengarah kepada semua hadirin dan ucapan maaf kerana tidak dapat bersama-sama kita hari ini atas komitmen tugas yang lain.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI

1. Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat serta keizinanNYA jua kita dapat berkumpul bersama-sama dan hadir dalam **PERHIMPUNAN BULANAN BIL.5/2024 ANJURAN BAHAGIAN KEJURUTERAAN (BKJ).**

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA SEKALIAN.

**TEMA: HIJRAH**

2. Bersempena tema majlis perhimpunan kali ini iaitu **HIJRAH**, marilah sama-sama kita menghayati konsep penghijrahan yang diambil sempena peristiwa hijrah Nabi Muhammad SAW dari kota mekah ke kota madinah untuk meneruskan usaha dakwah. Dalam peristiwa ini kita lihat pengorbanan Nabi dan para sahabat sanggup meninggalkan keluarga, harta dan kesenangan hidup demi mengembangkan ajaran islam pada waktu itu. Pengorbanan golongan ansar membantu kaum muhajirin membina hidup baharu di kota Madinah. Dengan peristiwa hijrah ini, ajaran islam telah berkembang dengan lebih pesat.

3. Maksud hijrah adalah perpindahan dari satu tempat ke tempat lain atau perubahan dari yang kurang baik kepada yang lebih baik. Dalam konteks pekerjaan kita sebagai penjawat awam, penghijrahan yang dimaksudkan adalah berhijrah kepada yang lebih baik. Dari pekerja yang kurang berdisiplin kepada pekerja yang lebih berdisiplin, berintegriti dan menepati masa. Kita disarankan meningkatkan prestasi dan kualiti kerja bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam bersesuaian dengan kenaikan gaji yang akan diterima melalui Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) tidak lama lagi.
  
4. Kita sebagai penjawat awam perlulah menjadi “role model” kepada orang awam dengan memberi contoh teladan yang baik dalam kehidupan seharian. Aspirasi kerajaan menjadi Kerajaan Madani hanya akan berjaya dengan pelaksanaan polisi dan inisiatif kerajaan oleh kita sebagai penjawat awam. Pengenalan aspirasi The G.R.E.A.T. *Civil Service* dan nilai H.E.M.A.T oleh Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) adalah bertujuan menambah baik mutu perkhidmatan awam. Oleh yang demikian, marilah kita mengamalkan nilai-nilai seperti tadbir urus yang baik, bertanggungjawab, fokus membuat sesuatu pekerjaan dan mempunyai ihsan kepada semua.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA SEKALIAN.

**PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN INFRASTRUKTUR DAN ASET**

5. Pada tahun ini, MOSTI telah memberi peruntukan sebanyak RM8.162 juta di awal tahun sebelum menambah lagi peruntukan sebanyak RM276 ribu menjadikan keseluruhan peruntukan yang diterima kepada RM8.438 juta di bawah Peruntukan Pembangunan Rolling Plan ke-4 - Baik Pulih dan Penyelenggaraan Bangunan dan Peralatan. Pembaikan yang dilaksanakan adalah seperti pembaikan bumbung, pendawaian semula, penggantian sistem pencegahan kebakaran dan penghawa dingin. Selain itu, peruntukan yang diterima juga digunakan untuk penggantian sistem suis teras utama rangkaian Nuklear Malaysia dan juga baik pulih mesin alur elektron 3MeV EPS3000 di Blok 43. Saya berharap setelah kerja pembaikan ini dibuat, aktiviti R&D dapat berjalan dengan lebih rancak dan menghasilkan produk yang dapat memberi manfaat kepada negara dan seterusnya kepada rakyat. Ini selaras dengan tema Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) iaitu Nuklear Untuk Rakyat (N.U.R)
  
6. Saya juga ambil peluang ini untuk menyeru semua warga Nuklear Malaysia agar dapat menggunakan aset kerajaan dengan penuh berhemah dan menjaga seperti aset sendiri untuk mencapai faedah aset yang optimum. Duit yang digunakan untuk pembelian aset dan kemudahan yang tersedia adalah daripada sumber

kekayaan negara yang perlu diterjemahkan kepada pembangunan ekonomi dan modal insan negara.

7. Saya akui terdapat kemudahan di premis kita yang telah uzur dan perlu dinaik taraf. Memandangkan peruntukan mengurus yang di terima setiap tahun untuk penyelenggaraan dan pembaikan adalah terhad, oleh itu penyelenggaraan perlu dibuat mengikut keutamaan dan tahap kerosakan. Untuk tahun 2024, peruntukan mengurus di bawah OS28000 penyelenggaraan adalah sebanyak RM7.4 juta yang turut digunakan untuk penyelenggaraan peralatan. Keutamaan kita adalah melibatkan keselamatan dan pematuhan ISO dan peraturan.
8. Perancangan penyelenggaraan dan baik pulih yang menggunakan peruntukan mengurus diuruskan oleh Jawatankuasa Penyelenggaraan Agensi Nuklear Malaysia yang dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal dan Bahagian Kejuruteraan sebagai urusetia. Oleh yang demikian, sebarang kerja naik taraf pejabat dan makmal yang diperlukan, perlu maklumkan kepada BKJ dengan cara menghantar *need statement* kepada Pengarah BKJ untuk tindakan selanjutnya.
9. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Bahagian Kejuruteraan (BKJ) dan Bahagian Sokongan Teknikal (BST) dalam melaksanakan pengurusan aset kerajaan termasuklah daripada pengurusan peruntukan, proses perolehan dan penyeliaan penyelenggaraan aset bagi memastikan aktiviti penyelidikan dan pembangunan di Nuklear Malaysia berjalan dengan lancar. Tanpa khidmat dan sokongan daripada BKP, BKJ dan BST ini, sudah

pasti aktiviti R&D tidak dapat dijalankan dan kerja harian sudah pasti akan terganggu.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA SEKALIAN.

### **PENGGUNAAN TENAGA ELEKTRIK YANG BERHEMAH**

11. Suka juga saya ingin ingatkan kepada semua warga Nuklear Malaysia supaya mengambil tanggungjawab dan memberikan kerjasama sepenuhnya dengan menggunakan tenaga elektrik secara optima dan berhemah. Untuk makluman, kadar penggunaan elektrik di Nuklear Malaysia adalah antara yang tertinggi di jabatan kerajaan. Walaupun kompleks Bangi menggunakan tenaga solar yang mampu menjana sekitar 50,000 kwh sebulan iaitu bersamaan 10% daripada penggunaan keseluruhan elektrik, namun bil elektrik kita masih lagi tinggi. Untuk rekod, bil elektrik bagi kedua-dua kompleks Bangi dan Dengkil dalam tempoh Januari hingga Jun tahun ini adalah berjumlah RM3.2 juta. Sebagai perbandingan nilai ini bersamaan dengan 5 buah kereta BMW 7 series atau 6 buah rumah teres 2 tingkat di Bangi.

12. Sehubungan itu, semua warga Nuklear Malaysia disaran untuk mengamalkan langkah-langkah penggunaan elektrik yang bijak dan berhemah seperti :
- a. Menetapkan suhu penyaman udara "*split unit*" antara 24 hingga 25 darjah celcius serta mematikan penyaman udara apabila tidak berada di dalam pejabat melebihi tempoh 2 jam;
  - b. Mematikan lampu bilik, komputer dan peralatan-peralatan elektrik dan elektronik semasa tidak digunakan. Ini adalah antara amalan yang tidak melibatkan kos serta mampu memberi penjimatan kepada kerajaan;
  - c. Selain itu, penjadualan semula masa penggunaan mesin atau loji yang menggunakan tenaga elektrik yang tinggi perlu dilaksanakan untuk mengawal kehendak maximum yang ditetapkan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB);
  - d. Langkah-langkah penjimatan tenaga elektrik yang dinyatakan dalam SURAT PEKELILING AM BIL 2 TAHUN 2014 bertajuk GARIS PANDUAN KAEDAH PENJIMATAN TENAGA DI PEJABAT DAN PREMIS KERAJAAN yang dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN WARGA NUKLEAR MALAYSIA  
SEKALIAN.



## **PENUTUP**

13. Setiap bahagian harus komited melaksanakan setiap sasaran dan inisiatif yang dirangka. Diharapkan usaha ini mampu merancakkan lagi aktiviti R&D teknologi nuklear dalam pelbagai bidang strategik, pengkomersilan produk, disamping meningkatkan bilangan penerbitan penyelidikan selaras dengan Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN) dan Wawasan Nuklear Malaysia 2030.
14. Saya mendoakan agar semua warga Nuklear Malaysia dikurniakan kesihatan yang baik serta minda yang lapang untuk terus bersama-sama berganding bahu menabur khidmat bakti dalam memajukan dan meningkatkan keberadaan Nuklear Malaysia di mata rakyat Malaysia. Seterusnya, dapat menjanjikan lebih banyak kejayaan buat Nuklear Malaysia dengan kerjasama dan komitmen anda semua yang saya kasihi sekalian.
15. Terima kasih dan syabas diucapkan kepada Bahagian Kejuruteraan yang berjaya menganjurkan Perhimpunan Bulanan Bil.5/2024 dan tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat secara langsung atau tidak dalam menjayakan perhimpunan kali ini termasuklah Bahagian Sokongan Teknikal (BST), Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan Unit Komunikasi Korporat (UKK) atas komitmen yang telah diberikan.

**Sekian, terima kasih.**

**Wabillahitaufik Walhidayah. Wasalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.**